

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data dan hasil kajian. Secara khususnya, bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan skop kajian serta kaedah analisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Menurut Masri (2005) menyatakan bahawa reka bentuk kajian adalah suatu perancangan untuk menentukan metode menjalankan kajian bagi menjawab persoalan kajian berdasarkan pernyataan masalah seperti yang telah dibincangkan. Malah, reka bentuk kajian ialah kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk menjawab soalan dengan cara yang sah, bermatlamat, tepat dan menjimatkan kos (Kumar, 2011).

Data emperikal dalam kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang menunjukkan pendekatan yang berbeza terhadap inkuiri ilmiah dengan memahami masalah kajian terhadap keseluruhan fenomena daripada informan kajian (Creswell, 2014). Hal ini sebagaimana fokus utama kajian ini adalah mengkaji sesuatu fenomena iaitu isu penyelewengan amalan pengubatan Islam di media sosial dan menganalisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan yang dilakukan oleh pihak berautoriti

di Malaysia dengan menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data dan analisis data.

Justeru, kajian ini mempunyai ciri-ciri kajian kualitatif yang berfokuskan matlamat mencari dan mewujudkan makna sesuatu fenomena daripada pandangan peserta atau informan kajian. Malah, mengkaji dari segi konteks peserta kajian berbanding melihat bilangan mahupun kuantiti. Selain itu, membuat interpretasi terhadap data kajian dan membawa nilai tersendiri dalam sesuatu bidang kajian berbanding mengenalpasti atau menguji hipotesis sebagaimana kajian kuantitatif (Creswell, 2014).

Reka bentuk kualitatif dipilih kerana kajian ini memerlukan pemahaman dan interpretasi yang teliti dan lebih mendalam. Hal ini kerana, bagi mengkaji sesuatu isu atau fenomena khususnya isu penyelewengan amalan pengubatan Islam dalam kajian ini memerlukan kepelbagaian kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data yang dapat memberi intepretasi mendalam terhadap tingkahlaku dan amalan pengamal pengubatan Islam serta kaedah pengawalseliaan oleh pihak berautoriti.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data dan Skop Kajian

Perkara-perkara yang dilakukan sebelum kajian ini dijalankan adalah perancangan kerja, penyediaan peralatan, pemurnian protokol temu bual dan pemerhatian awal. Oleh yang demikian, pengkaji akan membina hubungan baik, mengenali dan berinteraksi dengan informan pada peringkat awal. Selain itu, penyediaan peralatan kajian untuk memastikan pelaksanaan kajian berjalan lancar seperti alat rakaman audio dan video. Pengkaji juga menyediakan deraf soalan untuk

temu bagi untuk mendapatkan jawapan pada setiap persoalan kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data kajian seperti pemerhatian langsung dalam talian, temu bual mendalam dan kajian kepustakaan dengan skop kajian yang ditetapkan sebagaimana yang berikut:

3.3.1 Pemerhatian Langsung Dalam Talian (*Online Observation*)

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian langsung dalam talian bagi mencapai objektif pertama iaitu mengenalpasti jenis-jenis penyelewengan yang diamalkan oleh pengamal pengubatan Islam di media sosial sebagai satu kaedah yang sesuai. Pemerhatian langsung secara dalam talian dijalankan untuk mengkaji kegiatan pengamal pengubatan Islam yang secara terbuka berkongsi kepada umum berkaitan kaedah pengubatan yang diamalkan oleh mereka melalui video yang dimuatnaik dan siaran langsung iaitu 'live' di media sosial.

Kaedah pengumpulan data melalui pemerhatian langsung dalam talian dikenali sebagai "*Social Media Research*" melalui kajian-kajian daripada Barat (Słupińska Kamila, 2020; Chareen L. Snelson, 2016; Stacy Loeb & Rena Malik, 2022). Pemerhatian yang dilakukan melalui platform media sosial dikategorikan sebagai pemerhatian langsung atau '*direct observation*' (Słupińska Kamila, 2020).

Selain itu, kajian melalui platform media sosial juga dikenali sebagai "*Netnography Study*". Menurut Kozinets (2010), netnografi yang dimaksudkan dalam karyanya "*Netnography*" adalah secara konsisten memberi tumpuan kepada pembinaan komuniti dalam talian dan budaya dalam talian, atau budaya siber (*cyberculture*).

Menurut Kumar (2011), apabila pengkaji bertujuan untuk mengkaji perlakuan atau tingkah laku seseorang berbanding mengkaji berkaitan persepsinya, atau apabila subjek kajian terlibat dalam interaksi tetapi tidak dapat memberikan objektif maklumat mengenainya, maka kaedah pemerhatian adalah pendekatan terbaik untuk mengumpul maklumat yang diperlukan.

Pemerhatian langsung juga adalah suatu kaedah pemerhatian secara terus kepada sesuatu subjek yang tidak melibatkan komunikasi dengan manusia atau subjek tersebut (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Selain itu, Sladjana V. Nørskov & Morten Rask (2011) juga menyatakan bahawa kaedah pemerhatian langsung adalah suatu kaedah yang relevan untuk dijalankan terhadap sesuatu sampel atau komuniti dalam mengkaji tingkahlaku mereka secara semula jadi. Hal ini demikian dijelaskan oleh Sladjana V. Nørskov & Morten Rask (2011);

Online observation is a method employed to study interactions in virtual communities in their natural setting. The multitude of activities (e.g. social interaction, production and development processes) that may be observed in these communities makes them relevant research-wise. With this in mind, it is essential to explicitly consider online observer roles in order to ensure the methodological quality of such studies.

Oleh yang demikian, menurut Kumar (2011), apabila individu atau kumpulan menyedari bahawa mereka sedang diperhatikan, berkemungkinan besar mereka akan mengubah tingkah laku mereka bergantung pada keadaan. Perubahan ini boleh menjadi positif atau negatif dan ia mungkin meningkat atau menurun. Sebagai contoh, produktiviti seseorang. Oleh hal yang demikian, maklumat yang diperolehi daripada

subjek kajian berpeluang mempunyai unsur *bias*. Hal ini sebagaimana kenyataan yang berikut:

When individuals or groups become aware that they are being observed, they may change their behaviour. Depending upon the situation, this change could be positive or negative – it may increase or decrease, for example, their productivity – and may occur for a number of reasons. When a change in the behaviour of persons or groups is attributed to their being observed it is known as the Hawthorne effect. The use of observation in such a situation may introduce distortion: what is observed may not represent their normal behaviour. There is always the possibility of observer bias. If an observer is not impartial, s/he can easily introduce bias and there is no easy way to verify the observations and the inferences drawn from them.

Oleh itu, melalui kaedah pemerhatian langsung dalam talian, pengkaji dapat mengkaji perlakuan pengamal pengubatan Islam dalam persekitaran semula jadi mereka tanpa sebarang unsur *bias* atau defensif oleh pengamal sekiranya temu bual atau kaedah lain dijalankan terhadap mereka.

Justeru, pengamal yang dipilih sebagai subjek kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau '*purposive sampling*'. Menurut Fauziah Mat (2011), persampelan tujuan merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti yang telah dibincangkan dalam skop kajian sahaja dipilih sebagai informan kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus tentang perkara yang sedang dikaji.

Pengamal dipilih melalui media sosial. Mereka yang dipilih mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

- i. Pengamal pengubatan Islam yang mendakwa bahawa pengubatan yang digunakan adalah 'pengubatan Islam' terhadap nama pusat perubatan

atau mendakwa bahawa kaedah rawatan yang diamalkan adalah rawatan Islam.

- ii. Pengamal pengubatan yang menggunakan medium media sosial YouTube dengan aktif iaitu setiap hari memuat naik video aktiviti rawatan yang dilakukannya secara terbuka, membuat siaran langsung (*live streaming*), perkongsian tips atau kaedah rawatan sendiri dan mempromosi produk-produk jualan.
- iii. Pengamal yang mempunyai akaun pengguna YouTube yang mempunyai jumlah pengikut (*followers*) atau pelanggan (*subscribers*) yang tinggi, pengamal pengubatan yang popular atau dikenali oleh warga internet dan sentiasa mengendalikan atau mengemaskini akaun YouTube mereka.

Kajian ini berfokuskan kepada pengamal pengubatan yang aktif menggunakan platform YouTube. Hal ini demikian kerana skop kajian ini memberi impak besar kepada kesedaran masyarakat ataupun pengguna media sosial terhadap jenis-jenis penyelewengan yang dilakukan oleh pengamal menerusi video-video di YouTube. Perkara ini dibuktikan melalui statistik yang menunjukkan sehingga Januari 2021, 86% rakyat Malaysia menggunakan media sosial menunjukkan peningkatan sebanyak 24% daripada tahun 2016. YouTube mempunyai pengguna tertinggi dengan kadar penembusan sebanyak 94% yang disenaraikan mengikut jumlah muat turun di Malaysia (Statista, 2021). Justeru, skop kajian melalui pemerhatian langsung secara atas talian terhadap pengamal ini dapat memberi suatu pembaharuan terhadap kajian

dalam bidang amalan pengubatan Islam berbanding kajian-kajian lepas yang telah dijalankan.

Sehubungan itu, berdasarkan pemerhatian kepada pengamal yang aktif di media sosial dan memenuhi ciri-ciri yang telah dinyatakan, maka pengamal pengubatan Islam yang dipilih dalam kajian diri terdiri daripada dua orang pengamal bersamaan dengan dua akaun YouTube. Nama pengamal dan akaun YouTube akan dikenali sebagai nama samaran iaitu Adi dan Syah. Identiti pengamal akan dirahsiakan atas faktor-faktor yang berikut:

- i. Saranan daripada pihak berkuasa Jabatan Agama Islam Negeri untuk menjaga aspek keselamatan pengkaji.
- ii. Tidak mendahului pihak berkuasa Jabatan Mufti dalam mengeluarkan sebarang keputusan atau hukum terhadap pengamal.
- iii. Pengamal masih dalam siasatan pihak berkuasa Mahkamah Syariah.

Pengamal pertama dalam kajian ini dikenali sebagai Adi. Pengamal ini merupakan seorang pengamal pengubatan yang mempunyai pusat pengubatan di Melaka. Pengamal ini telah mencipta akaun pengguna YouTube bermula pada 20 September 2013 dan jumlah tontonan video setakat ini mencapai 4,428,704 tontonan dengan jumlah *subscribers* sebanyak 35.6 ribu. Selain itu, pengamal juga terpalit dengan kes moral dan telah ditahan oleh pihak berkuasa Jabatan Agama Negeri Melaka (JAIM).

Pengamal kedua pula dikenali sebagai Syah juga aktif di YouTube dengan jumlah *subscribers* 384 ribu dalam masa dua tahun menggunakan YouTube dan mendapat sebanyak 23,704,324 tontonan video. Setakat ini, pengamal ini mempunyai

jumlah langganan yang tertinggi di YouTube. Syah menggunakan platform YouTube secara aktif dengan melakukan rawatan secara *live* (siaran langsung). Pengamal ini juga mempunyai pusat pengubatan yang bertempat di Kuala Lumpur.

Menurut Creswell (2014), pemilihan saiz sampel adalah bergantung kepada reka bentuk kajian kualitatif yang digunakan. Hal ini kerana, fokus utama penyelidikan kualitatif adalah untuk meneroka atau menerangkan sesuatu situasi, isu, proses atau fenomena. Maka, persoalan berkaitan saiz sampel adalah kurang penting kerana fokus utama kajian kualitatif adalah untuk mengumpul data sehingga kajian menemukan titik tepu (*saturated data*) dari segi pencarian maklumat baharu.

Oleh itu, penyelidikan kualitatif tidak mempunyai ketetapan saiz sampel, tetapi lebih tertumpu kepada mencari titik ketepuan data semasa fasa pengumpulan data (Kumar, 2011). Hal ini sebagaimana kenyataan yang berikut:

In qualitative research, as the main focus is to explore or describe a situation, issue, process or phenomenon, the question of sample size is less important. You usually collect data till you think you have reached saturation point in terms of discovering new information. In qualitative research you do not have a predetermined sample size but during the data collection phase you wait to reach a point of data saturation. When you are not getting new information or it is negligible, it is assumed you have reached a data saturation point and you stop collecting additional information. Qualitative research it is designed either to gain in-depth knowledge about a situation/event/episode or to know as much as possible about different aspects of an individual on the assumption that the individual is typical of the group and hence will provide insight into the group.

Oleh itu, pemerhatian langsung akan dibuat melalui kesemua video-video rawatan yang telah dimuatnaik oleh kedua-dua pengamal tersebut. Manakala, tiga daripada video-video yang dimuatnaik akan dianalisis. Hal ini kerana, kedua-dua

pengamal tersebut masing-masing menggunakan kaedah yang sama dalam merawat pelbagai penyakit yang dialami oleh pesakit. Pengamal Adi menggunakan kaedahnya yang tersendiri, begitu juga dengan pengamal Syah.

Proses pemerhatian berlangsung selama 10 bulan. Proses tersebut merangkumi beberapa perkara seperti mencari maklumat berkaitan pengamal penguatan, mendapatkan maklumat berkaitan video yang telah dimuatnaik, menonton setiap video yang telah dimuatnaik, mengambil tiga daripada video rawatan tersebut untuk dianalisis melalui analisis kandungan dan analisis tematik, seterusnya mendapatkan maklumat daripada pihak berautoriti dan melalui proses pengesahan daripada pakar. Pemerhatian terhadap video tersebut melibatkan semua aspek seperti yang berikut:

- i. Aspek audio seperti bahasa yang digunakan, intonasi suara, ucapan pengamal, ucapan pesakit dan ahli keluarga pesakit, jampi yang dilafazkan oleh pengamal dan tindak balas daripada segi ucapan pesakit.
- ii. Aspek visual seperti keadaan pusat rawatan, pakaian pengamal, pakaian pesakit, perlakuan atau aksi pengamal, perlakuan atau tindak balas pesakit dan alatan-alatan yang digunakan oleh pengamal.

3.3.2 Temu Bual Mendalam (*In-Depth Interview*)

Temu bual mendalam adalah suatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Melalui kaedah ini pengkaji boleh memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara mendalami sesebuah topik tertentu (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Antara keunikan kaedah ini adalah seperti yang berikut:

- i. Memilih responden dalam kuantiti yang lebih kecil.
- ii. Pengkaji boleh memberikan keterangan yang terperinci tentang sebab di sebalik jawapan responden.
- iii. Membolehkan pemerhatian yang lebih lama berkaitan respon yang diberikan.

Kaedah ini digunakan bagi mencapai objektif pertama dan kedua kajian iaitu mengenalpasti amalan penyelewengan yang diamalkan oleh pengamal penguatkuasaan Islam di media sosial dan mengenalpasti kaedah pengawalseliaan dalam hal ehwal amalan penguatkuasaan Islam di Malaysia. Temu bual mendalam ini melibatkan beberapa sesi temu bual sehingga pengkaji dapat memahami dengan jelas perkara berkaitan maklumat kajian. Dua kategori responden adalah seperti yang berikut:

3.3.2.1 Pakar

Temu bual secara mendalam dijalankan bersama dua orang pakar berkaitan bidang amalan penguatkuasaan Islam bagi menyokong dan mengesahkan data. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan seterusnya secara atas talian melalui platform Microsoft Team dan aplikasi Whatsapp.

Pada sesi temu bual yang pertama, pengkaji menggunakan set soalan separa struktur yang berfokus kepada soalan pengenalan awal terhadap bidang amalan penguatkuasaan Islam di Malaysia. Pada sesi temu bual seterusnya, pengkaji mengajukan soalan-soalan berkaitan dengan jenis-jenis penyelewengan yang sering dilakukan oleh pengamal penguatkuasaan Islam, pandangan berkaitan pengamal penguatkuasaan Islam yang menggunakan platform media sosial, situasi dan gambaran berkaitan pengamal penguatkuasaan Islam Darussalam, kaedah pengawalseliaan terhadap badan pengamal

yang diiktiraf oleh KKM dan mendapatkan varifikasi serta komen bagi penambahbaikan terhadap analisis berkaitan amalan penyelewengan pengubatan Islam di media sosial. Pakar yang terlibat adalah seperti yang berikut:

i. Profesor Madya Dr. Mahyuddin Ismail

Pensyarah Kanan di Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Pengkaji buku bertajuk “*Ahli Sihir ke Tali Gantung*” (2011), “*Jenayah Sihir Analisis Dari Sudut Perundangan*” (2022) dan “*Pendakwaan Terhadap Ahli Sihir Realiti Atau Fantasi?*” (2022). Pakar rujuk berkaitan bidang amalan pengubatan Islam dan perubatan tradisional. Mempunyai pengiktirafan sebagai pakar perunding amalan pengubatan Islam dan perubatan tradisional.

ii. Dr. Muhammad Najib Abdullah

Beliau merupakan seorang pengamal pengubatan Islam Darussyifa’ yang berdaftar di bawah PTK, KKM dan selaku Ahli Jawatankuasa Akademik Darussyifa’ bagi tahun 2021/2022. Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Aktif bersiaran di kaca televisyen sebagai tetamu jemputan di bawah siaran TV Al-Hijrah dalam perkongsian berkaitan isu-isu dalam amalan pengubatan Islam.

3.3.2.2 Pihak Berautoriti

Temu bual bersama pihak berautoriti dijalankan bagi memenuhi objektif kedua kajian iaitu mengenalpasti kaedah pengawalseliaan dalam hal ehwal amalan pengubatan Islam di Malaysia. Pengkaji membina soalan-soalan separa struktur yang

memenuhi setiap persoalan kajian ini berdasarkan tinjauan literatur. Seterusnya, pengkaji akan mendapatkan pengesahan soalan daripada penyelia sebelum soalan tersebut diajukan kepada informan. Sesi temu bual dijalankan secara bersemuka dalam tempoh satu jam bagi setiap informan. Informan terdiri daripada tiga pihak berautoriti yang berkaitan dengan amalan pengubatan Islam yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Antaranya ialah:

- i. Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berfungsi untuk mengawal selia, melaksanakan proses pendaftaran, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas amalan dan pengamal pengubatan Islam di Malaysia.
- ii. Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) yang mempunyai kuasa dalam menjaga hal ehwal akidah dan syariah umat Islam. JAIM dipilih berikutan pengamal pertama iaitu Adi adalah di bawah siasatan pihak JAIM di samping pengamal tersebut menjalankan aktiviti rawatan yang berpusat di Melaka.
- iii. Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa') sebagai badan pengamal amalan pengubatan Islam yang diiktiraf oleh kementerian kesihatan malaysia (KKM).

3.3.3 Dokumen

Kajian ini menggunakan data dokumen yang didapati melalui pihak berautoriti. Dokumen tersebut digunakan sebagai rujukan dan analisis terhadap

amalan penyelewengan yang dilakukan oleh pengamal pengubatan Islam di media sosial. Antara dokumen tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam, Kementerian Kesihatan Malaysia 2011.
- ii. Garis Panduan Pendaftaran Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) Tempatan – Pengubatan Islam (2021).
- iii. Standard Pengukuran Pematuhan Syariah (i-SYIFA’) Bagi Pengamal Pengubatan Islam.
- iv. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
- v. Garis Panduan Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menurut Islam, Jabatan Mufti Negeri Melaka 2012.
- vi. Garis Panduan Etika Ahli dan Perawat Darussyifa’ 2010.

3.3.4 Kajian Kepustakaan

Marican dalam Hua (2016) menyatakan bahawa data sekunder diklasifikasikan sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji terdahulu untuk tujuan kajian. Oleh itu, data-data tersebut masih lagi sesuai dan relevan untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Justeru, maklumat atau bahan terbitan yang dikumpul oleh pengkaji lain boleh digunakan sebagai rujukan untuk mencipta formula atau informasi baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul khususnya pada masa kini mahupun masa hadapan.

Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan bagi memenuhi objektif pertama iaitu mengenalpasti amalan penyelewengan yang diamalkan oleh pengamal pengubatan Islam di media sosial dan objektif kajian ketiga iaitu menganalisis konsep

dakwah dalam kaedah pengawalseliaan terhadap pengamal pengubatan Islam di media sosial.

Pengkaji menggunakan data sekunder untuk menyokong pernyataan dalam permasalahan kajian, tinjauan literatur dalam membangunkan teori dan menjadi sokongan dalam perbincangan analisis data. Data sekunder yang terlibat adalah seperti buku, jurnal, artikel, dokumen perundangan dan akta, surat khabar dan lain-lain yang berkaitan dengan isu kajian.

Manakala, data melalui al-Quran dan al-Hadith akan digunakan dalam kajian ini sebagai data primer. Hal ini kerana, al-Quran² dan al-Hadith merupakan sumber utama dalam agama Islam.

Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan kaedah triangulasi untuk mencapai objektif kajian. Menurut Othman Lebar (2007), triangulasi bermaksud penggunaan pelbagai sumber data, penyelidikan, kaedah pemungutan data dan analisis. Triangulasi di antara kaedah yang dilakukan dengan cara menggunakan pelbagai teknik pengumpulan data. Dalam kajian ini, pengkaji melakukan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian langsung dalam talian, temu bual mendalam dan analisis kandungan. Penggunaan pelbagai kaedah atau teknik dalam mencapai sesuatu objektif kajian ini mampu memberi peluang kepada proses pengesahan dapatan yang lebih baik dan boleh dipercayai (Zanaton Iksan et, al., 2016).

² Terjemahan ayat al-Quran merujuk kepada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman oleh Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

3.4 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah proses yang dilakukan oleh pengkaji setelah melaksanakan kaedah pengumpulan data. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan, analisis tematik dan analisis dokumen bagi membincangkan hasil kajian ini.

3.4.1 Analisis Kandungan

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan atau '*content analysis*' untuk menganalisis data yang didapati melalui kaedah pemerhatian langsung dan temu bual. Kedua-dua aspek audio dan visual yang dikaji melalui pemerhatian langsung dianalisis menggunakan kaedah ini. Sepertimana yang dinyatakan oleh Erlingsson, C. & Brysiewicz, P., (2017);

The objective in qualitative content analysis is to systematically transform a large amount of text into a highly organised and concise summary of key results. Analysis of the raw data from verbatim transcribed interviews to form categories or themes is a process of further abstraction of data at each step of the analysis; from the manifest and literal content to latent meanings.

Selain itu, kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis rekod ucapan, tulisan dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh pengkaji sama ada diperhatikan secara langsung mahupun direkod dengan tujuan penelitian dan penganalisaan selepas itu. Antara contoh analisis kandungan ialah melalui drama televisyen, kandungan literatur, khutbah, forum perdana dan sebagainya (Ahmad Sunawari Long, 2018).

3.4.2 Analisis Tematik

Kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik bagi menganalisis data yang diperolehi daripada kaedah pemerhatian langsung dan temu bual. Menurut Braun & Clarke dalam Heriyanto (2018), analisis tematik merupakan cara untuk menganalisis data dengan tujuan untuk mengidentifikasi pola atau untuk mencari tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji.

Bahkan, menurut Fereday & Muir-Cochrane dalam Heriyanto (2018), menjelaskan bahawa metode ini sangat efektif untuk sesebuah kajian bagi mengupas data kualitatif secara terperinci dengan mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dalam sesuatu fenomena lalu dijelaskan melalui perbincangan kajian. Oleh itu, maklumat untuk mencapai objektif pertama dan kedua kajian dianalisis melalui kaedah analisis tematik untuk menghasilkan dapatan kajian.

Bagi data daripada kaedah pemerhatian langsung dalam talian, pengkaji akan menganalisis kedua-dua kategori data audio visual daripada video tersebut. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis dan menetapkan tema bagi hasil perbincangan objektif kedua kajian.

Seterusnya, bagi data daripada kaedah temu bual mendalam, pengkaji akan merekod audio sepanjang temu bual dijalankan bersama informan. Selepas itu, hasil rakaman dizahirkan melalui proses transkripsi. Menurut Creswell (2008), transkripsi ialah proses menukar data daripada rakaman audio dan video, serta nota lapangan, kepada teks untuk dianalisis. Selepas itu, hasil transkripsi akan dianalisis melalui kaedah analisis tematik. Pengkaji menetapkan tema-tema yang sesuai bagi membincangkan hasil kajian objektif pertama dan kedua mengikut skop kajian yang telah ditetapkan dan bergantung kepada hasil data yang diperolehi.

3.4.3 Analisis Dokumen

Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan bahawa analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan. Hal ini sebagaimana yang ditakrifkan oleh Fraenkel Jack & Wallen Norman (1993) seperti yang berikut:

Document analysis is just what its name implies – the analysis of the written or visual contents of a document. Textbooks, essays, newspapers, novels, magazine articles, cookbooks, political speeches, advertisements, pictures – in fact, the content of virtually any type of written or visual communication can be analysed in various ways. A person's or group's conscious beliefs, attitudes, values, and ideas are often revealed in the document they produce.

Menurut Jasmi (2012), kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar berlaku penipuan.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menganalisis dokumen-dokumen yang didapati daripada pihak-pihak berautoriti dalam hal ehwal pengawalseliaan amalan pengubatan Islam. Sebagai contoh, dokumen perundangan, enakmen, garis panduan dan lain-lain.

Oleh itu, pengkaji merumuskan kedua-dua kaedah pengumpulan dan analisis data sebagaimana jadual 3.4 yang berikut:

Bil.	Kaedah Pengumpulan Data		Kaedah Analisis Data
1.	Pemerhatian Langsung Dalam Talian (<i>Online Observation</i>)	Pengamal Pengubatan Islam	Adi Syah
2.	Temu Bual Mendalam (<i>In-depth Interview</i>)	Pakar	Profesor Madya Dr. Mahyuddin Ismail Dr. Muhammad Najib Abdullah <ul style="list-style-type: none"> • Analisis Kandungan
		Pihak Berautoriti	Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPJ), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa') <ul style="list-style-type: none"> • Analisis Tematik • Analisis Dokumen
3.	Dokumen		
4.	Kajian Kepustakaan		

Jadual 3.4: Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Analisis Data

3.5 Rumusan

Daripada perbincangan metodologi kajian, dapat disimpulkan bahawa kajian ini menggunakan asas penyelidikan dalam Islam yang didasari oleh sumber epistemologi Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif untuk mengkaji isu penyelewengan amalan penguat Islam di samping menganalisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kajian kes.

Seterusnya, empat kaedah pengumpulan data digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian iaitu melalui pemerhatian langsung dalam talian, temu bual mendalam, dokumen dan kajian kepustakaan. Manakala, analisis kandungan, analisis dokumen dan analisis tematik digunakan sebagai kaedah analisis data kajian ini.